

**Perodua & Petronas Dagangan Meterai Niaga Janji RM225 Juta
Bernama
8 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Perodua dan Petronas Dagangan Bhd telah memeterai niaga janji RM225 juta untuk membekalkan kepada Perodua Dagangan minyak pelincir dalam tempoh lima tahun.

Beliau berkata kontrak itu yang dikenali sebagai "Perodua Genuine Oil", akan menyaksikan syarikat pengeluar kereta negara kedua itu menggunakan minyak gred "Petronas SL/SM" bernilai RM45 juta di semua cawangan servisnya seluruh negara setahun untuk lima tahun dengan serta merta.

Pengarah urusan Datuk Aminar Rashid Salleh berkata niaga janji itu menguatkan lagi keyakinan Perodua terhadap kualiti dan kebolehpercayaan perkhidmatan Petronas Dagangan.

"Sejak 30 tahun lepas, Petronas Dagangan telah berkembang pesat menjadi syarikat pelincir kedua terbesar Malaysia dalam pasaran yang amat berdaya saing.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650920>